

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2008**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**Dasar Pembiayaan Untuk Pembentangan Kertas Kerja Bagi  
Pemegang Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi  
Di Dalam Dan Luar Negara**

**Tujuan**

1. Pekeliling pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Naib Canselor / Rektor IPTA mengenai dasar pembiayaan untuk pembentangan kertas kerja bagi pemegang biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi di peringkat pengajian Ph.D di dalam dan luar negara.

**Latar Belakang**

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan memperkasa kakitangan akademik di IPTA, khususnya yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D, peluang berinteraksi di peringkat antarabangsa terutamanya dengan menghadiri dan membentangkan kertas kerja di seminar dan persidangan antarabangsa wajar diberikan kepada mereka. Ini bagi membolehkan pengalaman dan ilmu yang diperolehi daripada seminar dan persidangan tersebut dapat memantapkan lagi penyelidikan dan penyediaan tesis mereka.

3. Pada masa ini, dasar pembiayaan pelajar tajaan untuk membentangkan kertas kerja di persidangan antarabangsa terhad kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ph.D di dalam negara dan sekali sepanjang pengajian. Kemudahan ini dirasakan terhad dan tidak memeberi peluang kepada pelajar yang berada di luar negara mendapat kemudahan yang sama. Tambahan pula, kebanyakan universiti telah mewajibkan semua calon yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ph.D perlu membentangkan kertas kerja sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh pengajian.

### **Kaedah Pelaksanaan**

4. Bagi memastikan pertimbangan yang sewajarnya diberikan pada pemohon, beberapa syarat asas telah digariskan sebelum sebarang kelulusan diberikan. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut :-

- (i) Hanya diluluskan sekali sepanjang pengajian;
- (ii) Pemohon yang sedang mengikuti pengajian di luar negara dan tidak menggunakan kemudahan untuk balik ke Malaysia bagi tujuan kutipan data atau tujuan-tujuan lain yang diluluskan;

- (iii) Mengguna pakai kadar yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005 untuk sebarang tujuan tuntutan bayaran balik;
- (iv) Melibatkan calon yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ph.D tajaan Kementerian Pengajian Tinggi;
- (v) Hanya dikhkususkan kepada pembentang kertas kerja dan bukan sekadar peserta sahaja; dan
- (vi) Seminar atau persidangan yang ingin dihadiri adalah bertaraf antarabangsa.

### **Kawalan Kos Dan Peruntukan**


- 5. Dalam memastikan kawalan kos yang efektif dapat dilaksanakan, kemudahan pembiayaan ini dihadkan kepada negara-negara yang berdekatan dengan negara tempat pengajian pemohon sahaja kecuali bagi mereka yang menuntut di dalam negara. Senarai negara yang dibenarkan berdasarkan tempat pengajian adalah seperti di **Lampiran A**.

## **Penutup**

6. Semua Naib Canselor / Rektor IPTA adalah diminta mengambil maklum berkenaan penetapan dasar ini.
7. Dasar pembiayaan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2008.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN)**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi

Tarikh: 1 Mac 2008

## LAMPIRAN A

### Senarai Negara Yang Dibenarkan Untuk Pembentangan Kertas Kerja Berdasarkan Negara Tempat Pengajian

Bil	Negara Tempat Pengajian	Negara Yang Dibenarkan
1	United Kingdom/Negara-negara Eropah	Negara-negara Eropah
2	Amerika Syarikat / Kanada	Amerika Syarikat/Kanada/Amerika Tengah/Amerika Selatan
3	Australia/New Zealand	Australia/New Zealand/Semua Negara Asia
4	Negara-negara Afrika	Afrika/Eropah/Asia Barat
5	Negara-negara di Benua Asia (selain Malaysia/Asia Barat)	Negara-negara Asia/Australia/New Zealand
6	Negara-negara Asia Barat	Negara-negara Asia/Eropah/Afrika
7	Malaysia	Semua Negara